



LELAKI dan FESYEN



DI DALAM :
TEMPAHAN
DAN
CARIAN
**DAPATKAN
DI SINI!**

LELAKI dan fesyen bukan lagi dua elemen asing dan berbeza. Berfesyen kini bukanlah hak untuk wanita sahaja.

Zaman berubah, lelaki juga semakin pandai berfesyen dan berani bereksperimen untuk menampilkan gaya ranggi serta moden.

Lihat saja aksi beberapa selebriti terkemuka seperti David Beckham, Brad Pitt hinggalah Anuar Zain dan Jovian Mandiage apabila menyarungkan persalinan cetusan identiti masing-masing.

Segak dan memukau pandangan! Ternyata cita rasa jejaka menjadikan wanita menggilai kehadiran lelaki ini.

Berikut adalah beberapa panduan untuk lelaki kelihatan segak. Jangan terlampau 'overdressed', sebab bukan saja kelihatan pelik malah, wanita makin menjauh.

1 RINGKAS NAMUN BERGAYA

Lelaki dan ringkas adalah padanan sinonim. Kekalkan minat bergaya dan berfesyen namun, tidak perlulah beria-ria seperti meniru gaya artis berjalan di permaidani merah. Jadilah diri sendiri. Ringkas sudah mencukupi. Panduan mudah, amalkan gaya pakaian tidak melebihi tiga warna.

2 PASTIKAN WAJAH BERSIH DAN KEMAS

Kalau pandai berfesyen tetapi tidak tahu menjaga kebersihan diri pun tidak berguna juga. Paling penting jaga kebersihan wajah dan badan anda. Jangan lupa memakai deodoran. Cukur segala bulu yang tidak perlu disimpan dan biarkan wajah anda nampak terurus sekiranya ingin menyimpan misai, janggut dan jambang.

3 PEKA FESYEN DAN PAKAIAN ANDA

Jangan terlebih berfesyen kerana itu bakal membuatkan anda sendiri rasa kurang selesa (lainlah kalau anda memang suka jadi tumpuan ramai!). Padankan konsep penggayaan mengikut cuaca, keadaan dan acara seperti pakaian kemas pada majlis rasmi. Jangan sesekali memakai kemeja T tidak berkolar dalam majlis rasmi, kelak ditertawakan.

4 BELI KERANA JENAMA?

Ramai bersikap sebegini! Elakkan membeli pakaian kerana jenamanya. Pastikan anda tanya diri sendiri sebelum membeli pakaian. Biar beli pakaian murah namun tampil kemas berbanding pakaian mahal yang kurang menarik dan tidak selesa.

5 JANGAN MALU MINTA PENDAPAT ORANG

Ringankan mulut bertanya rakan rapat anda, apa gaya sesuai dipakai anda. Buatlah pemilihan warna tertentu yang sesuai warna kulit anda serta aksesori sesuai digayakan anda. Mungkin anda boleh dapatkan tips menarik serta pandangan jujur daripada kawan-kawan dan keluarga anda.

6 PELENGKAP GAYA

Intai pemakaian aksesori yang anda selesa. Lelaki berbeza dengan perempuan. Cukup sekadar menggayakan jam tangan bersesuaian, snapback dan kepala tali pinggang besar, anda sudah berjaya memukau lirikan mata wanita tatkala berjalan.

AUTO
Kereta
Trak
Bas

NOTIS
Laporan
Kewangan
Tender
Notis Am

KLASIFIKASI AM
Perkhidmatan
Kecantikan
Kesihatan
perabot

HARTANAH
Rumah
Kedai

KERJAYA
Sepenuh masa
Separuh masa
Latihan
Skim Graduan

KERAJAAN
Laporan
Kewangan
Tender
Notis Umum

**LELONGAN/
GUAMAN**
Hartanah
Lelongan
Guaman

